

Bab 1

Pengenalan

*Didengertah atahwa hai orang budiman
Budu tta sanggul pahan thana
Kawana thana tta yori budillah
Jika lain maka laris jadillah
-Muhaww: Tij al-Selatin*

BAB 1

PENGENALAN

1.0 Pendahuluan

Bab 1 akan memaparkan konsep asas kajian ini. Perkara utama yang ditekankan dalam bab ini ialah permasalahan kajian, tujuan-tujuan kajian, dan kaedah dan metodologi kajian dan analisis data.

1.1 Pengenalan

Ilmu tasawuf merupakan salah satu ilmu dalam Islam. Kewujudannya, walaupun dilanda pelbagai kontroversi, telah diperakui sebagai satu cabang ilmu yang tidak terpisah dari disiplin-disiplin ilmu yang lain dalam Islam.

Imam al-Ghazāli (r.h) (1993) telah membahagikan ilmu kepada dua bahagian, iaitu ilmu syar'ī dan ilmu 'aqli. Ilmu tasawuf telah beliau masukkan ke dalam kategori ilmu 'aqli, yakni ilmu yang tersusun (*murakkab*)¹. Perakuan kesahihan ilmu ini telah menggalakkan orang ramai terutamanya di zaman keemasan Islam untuk menceburkan diri ke dalamnya. Seperti disiplin ilmu yang lain, ilmu tasawuf yang berkembang pesat telah melahirkan perbezaan-perbezaan pendapat (*khilāf*) menyebabkan munculnya beberapa aliran dalam disiplin ilmu tersebut. Aliran-aliran tersebut secara amnya dibahagikan kepada dua jenis, iaitu tasawuf falsafah (*falsafi*) dan tasawuf ahli Sunnah (*Sunni*)².

Kedatangan Islam ke Alam Melayu turut tidak terlepas daripada pengaruh tasawuf. Malah ada teori menyebut kedatangan – atau sekurang-kurangnya penyebaran pesat – Islam di rantau ini dipelopori oleh golongan sufi³. Walau bagaimanapun, perkembangan Islam pada peringkat awal seperti di Terengganu, Pasai, Perlak, dan Melaka tidak memberikan gambaran yang cukup tentang perkembangan tasawuf di sana. Akan tetapi semasa dan selepas zaman keemasan Islam di rantau ini (abad ke 16M dan 17M) banyak buku dan keterangan yang jelas berkaitan dengan tasawuf telah didapati, sama ada yang ditulis oleh ulama sufi mahupun orang-orang barat yang telah tiba di rantau ini.

Seperti di bahagian-bahagian lain dunia Islam, Alam Melayu turut tidak terlepas daripada pergolakan mazhab tasawuf. Tasawuf falsafah yang bersumber kepada ajaran al-Hallāj dan Ibn ‘Arābi yang telah terlebih dahulu mencapai kegemilangan di rantau ini telah ditentang hebat oleh tasawuf Sunni al-Qusyairi (q.s) dan al-Ghazālī (r.n) yang tiba lebih seabad kemudian. Keadaan ini mungkin terjadi kerana kemenangan aliran al-Asyā’irah ke atas Mu‘tazilah⁴ dan Maturidiyah dalam ilmu kalam (teologi) di kawasan ini, selain sebagai lanjutan pertentangan dari dunia Islam pusat di Asia Barat.

Pertengahan abad ke-17M memperlihatkan dengan jelas pergelutan ini yang telah menyaksikan kemenangan tasawuf aliran Sunni. Pada abad ke 20, boleh dikatakan seluruh rantau Nusantara telah “dibersihkan” daripada ajaran tasawuf falsafah (yang diwakili oleh tasawuf *Waḥdat al-Wujūd*) oleh tasawuf Sunni. Walau bagaimanapun, tasawuf *Waḥdat al-Wujūd* tidak terus terkubur, bahkan terus tersebar secara diam-diam dan sesetengahnya mengambil sikap kompromi seperti yang dilakukan oleh Syaikh

Abdul Samad al-Falimbāni dalam kitabnya *Sayr al-Sālikīn*. Dengan demikian, kesan-kesan fahaman *Waḥdat al-Wujūd* masih kelihatan malah diterima pakai terutama konsep martabat tujuh seperti yang terlihat dalam kitab-kitab jawi seumpama *Sayr al-Sālikīn*, *al-Durr al-Nafīs*, dan *Manhāl al-Ṣāfi fi Bayān Ramz ahl al-Ṣūfi*.

Melihat keupayaan ilmu tasawwuf “menggegarkan” dunia Melayu, terutama pada pertengahan abad ke-17M, maka kajian ini telah digerakkan. Kajian yang bersifat kontemporari ini sedaya upaya menilai kesan pergelutan tersebut dewasa ini. Diharapkan kajian ini akan berjaya mendapatkan data terkini tentang pengajian tasawuf, aliran, dan kesinambungannya daripada tradisi terdahulu.

1.2 Permasalahan Kajian

Kajian ini mencuba menilai sistem pengajian tasawuf tradisional kontemporari, khususnya dari segi penggunaan kitab-kitab jawi dalam pengajiannya dan mengaitkannya dengan sistem yang pernah wujud sebelum era “moden” di negeri Terengganu khasnya dan Alam Melayu amnya.

Sistem merangkumi kurikulum, tempat, kaedah dan teknik, masa dan penggunaan bahan dalam pengajian. “Moden” pula mengambil definisi masa sebelum pengaruh barat secara meluas khususnya dalam sistem pendidikan dan kehidupan masyarakat Melayu di Terengganu dan Alam Melayu amnya.

Sistem pengajian ilmu tasawuf “mutakhir” yang dibincangkan di sini bermaksud pengajian kontemporari, tetapi mengambil pendekatan tradisional sama ada dari segi

sistem, tempat, modul pengajaran dan juga guru serta muridnya. Yakni, pengajian mutakhir bukanlah bermaksud pengajian secara “moden” (melalui institusi-institusi madrasah, sekolah, kolej, dan universiti), tetapi pengajian secara tradisional. Maksud tradisional pula ialah pengajian tanpa ijazah atau sijil khusus daripada pihak-pihak berkuasa negara ini (kerajaan) seperti di pondok-pondok, masjid-masjid, surau-surau, dan juga balaisah-balaisah.

Jelasnya, kajian ini mencuba menyelesaikan permasalahan berhubung – dan mengaitkannya dengan - kesinambungan bentuk pengajian ilmu tasawuf tradisional kontemporari dengan tradisi silam khususnya dari sudut penggunaan kitab-kitab jawi ilmu tasawuf.

1.3 Tujuan kajian

Perangkaian persoalan tentang penggunaan kitab jawi dalam pengajian ilmu tasawuf mutakhir di Terengganu mempunyai beberapa tujuan. Tujuan-tujuan tersebut ialah:

- a. Menyorot kembali sejarah Islam di Terengganu dan kitab-kitab yang digunakan dalam pengajian tasawuf pada zaman kegemilangan Islam di negeri tersebut;
- b. Mengenal pasti penggunaan kitab-kitab jawi dalam pengajian tasawuf mutakhir;
- c. Menilai sama ada wujud pertembungan pemikiran dalam pengajian tasawuf sekarang, yakni tasawuf falsafi (terutama sekali *Wahdat al-Wujūd*) dan tasawuf Sunni seperti yang telah berlaku pada kurun-kurun ke 16M – 19M;

- d. Menilai sistem pengajian (guru, murid, tempat, dan lain-lain) ilmu tasawuf sama ada ia sebagai lanjutan tradisi silam ataupun tidak; dan
- e. Menilai kesan pengajian ilmu tasawuf terhadap pelajar dan masyarakat setempat dalam pembentukan jiwa dan sahsiah seperti mana yang pernah berlaku dalam tradisi pengajian tasawuf di Terengganu.

1.5 Metodologi kajian

Kajian ini menggunakan data primer dan data sekunder. Data primer diperolehi daripada kerja lapangan, sementara data sekunder pula daripada kajian perpustakaan.

1.5.1 *Kaedah Kajian*

Kerja lapangan untuk mendapatkan data primer dibuat menerusi beberapa teknik. Teknik-teknik tersebut ialah teknik soal selidik, temubual, dan pemerhatian. Kajian perpustakaan pula meliputi teknik kajian terhadap bahan-bahan bercetak seperti buku-buku, makalah-makalah, dan kertas-kertas kerja bagi mendapatkan data-data yang berbentuk historikal dan dokumentasi.

Bagi tujuan membandingkan sistem pengajian tasawuf (seperti pondok, masjid, dan surau) dahulu dan sekarang, kaedah perpustakaan dan kerja lapangan digunakan. Fakta-fakta yang berbentuk historikal didapati menerusi buku-buku dan kajian-kajian para sarjana terdahulu. Data-data tentang sistem pengajian tasawuf semasa pula didapati daripada kerja lapangan yang dilakukan.

Kepopularan kitab-kitab jawi dalam bidang tasawuf juga diperolehi menerusi kaedah penyelidikan lapangan. Dengan menghadiri kelas-kelas pengajian tasawuf, sama ada dengan cara mendengar mahupun menadah, kitab-kitab yang digunakan oleh pengajar dan penadah akan diketahui. Selain teknik pemerhatian ini, temu bual bersama tuk-tuk guru juga dilakukan.

Kaedah kajian lapangan, sama ada menerusi teknik temu bual, pemerhatian, mahupun soal selidik akan digunakan bagi membuat penilaian sama ada wujud atau tidak pertembungan aliran pemikiran dalam pengajian tasawuf kini. Pertembungan ini, jika ada, mungkin tidak secara terang-terangan tetapi menerusi inti pati ajaran-ajaran tersebut di sesuatu tempat. Dengan itu perbandingan isi pengajian akan diambil kira.

Sekali lagi dijelaskan bahawa kajian ini menggunakan data-data sekunder dan primer yang diperolehi daripada pelbagai sumber iaitu makalah, kertas seminar dan buku-buku rujukan yang diperolehi daripada perpustakaan. Namun begitu data utama yang digunakan didapati daripada pemerhatian, soal selidik, dan temubual bebas dengan para responden. Kesemua ini digunakan bagi menganalisis dan mengemukakan hujah yang berkaitan dengan permasalahan kajian dan tujuan kajian seperti yang diutarakan. Namun begitu data-data yang dikumpulkan ini perlulah dianalisis dengan menggunakan teknik yang sesuai.

1.5.2 Teknik Kajian

Analisis yang sesuai dalam memahami konsep-konsep dan menyingkap kembali sejarah perkembangan ilmu tasawuf ialah melalui teknik pengumpulan bahan sekunder

seperti makalah-makalah, kertas-kertas seminar, dan buku-buku. Bahan-bahan dalam bentuk ilmiah sebegini akan dijadikan sandaran fakta dan bukti dalam penulisan ini.

Bagi membuktikan pengajian ilmu tasawuf di negeri Terengganu masih mengekalkan ciri-ciri tradisional pula, data-data primer telah dikutip menggunakan kaedah pemerhatian, temubual, dan soal selidik para responden. Data-data tersebut kemudiannya dianalisis menggunakan perisian komputer *Statistical Package for Social Science (SPSS)*. Kaedah analisis yang digunakan ialah analisis kekerapan (*frequency*) dan analisis jadual silang (*crosstabulations*).

Analisis kekerapan (frekuensi) bertujuan melihat taburan kekerapan bagi nilai bagi setiap jawapan responden. Umumnya terdapat lima jawapan bagi setiap soalan, tetapi dapat dikelaskan kepada positif, neutral, dan negatif. Nilai positif ialah bagi jawapan Amat Setuju (AS) dan Setuju (S), nilai neutral bagi jawapan Tidak Pasti (TP), dan nilai negatif bagi jawapan Tidak Setuju (TS) dan Amat Tidak Setuju (ATS).

Analisis jadual silang (*crosstabulations*) pula bertujuan mengukur perhubungan antara dua pembolehubah dalam bentuk jadual frekuensi dua hala (*two-way*) dan pelbagai hala (*multi-way*). Ia digunakan bagi mengukur pembolehubah - pembolehubah yang wujud dalam bab empat dan lima.

Hasil analisis data-data primer dan sekunder tersebut merupakan jawapan dan peleraian masalah kajian ini, iaitu hubungan tradisi tasawuf lampau dengan pengajian ilmu tasawuf kontemporari di Terengganu.

1.6 Ruang litup kajian

Kajian ini cuba mengamati tradisi pengajian tasawuf di Terengganu dengan sedikit sebanyak membandingkan dengan apa yang pernah wujud di Kepulauan Melayu amnya. Namun seperti yang telah dinyatakan dalam permasalahan kajian, kajian ini akan tertumpu kepada pengajian tasawuf yang sedang berjalan sekarang dan bentuk pengajian tradisional akan hanya dijadikan sebagai perbandingan.

Semua bentuk pengajian tasawuf diambil kira dalam kajian ini dengan tidak mengindahkan kepada mana-mana aliran atau mazhab. Ia bergantung kepada hasil yang diperoleh daripada responden yang telah dijalankan kajian padanya. Dengan itu tasawuf Sunni, falsafah, Salafi, mahupun amali, jika ada akan diberikan perhatian.

Kawasan kajian pula terhad di daerah-daerah Hulu Terengganu, Marang, dan Kuala Terengganu sahaja. Jika dilihat menerusi peta, lokasi kajian ialah bertumpu di sepanjang sungai Terengganu, kecuali satu lokasi di Kuala Terengganu yang melebar, tetapi tidak begitu jauh daripada kawasan yang dikaji. Hal ini disengajakan sebagai satu usaha menelusuri kembali sejarah perkembangan Islam Terengganu yang berpunca dari Kuala Berang (di pertemuan Sungai Teresat, Sungai Berang, dan Sungai Terengganu) dan berkembang ke Kuala Terengganu melalui sungai utama Terengganu, Sungai Terengganu. Jadi pengehadan tersebut dilakukan memandangkan kawasan-kawasan yang terpilih itu memang telah dikenal pasti mempunyai tradisi pengajian ilmu kegamaan, termasuk tasawuf sejak berabad-abad dahulu⁵.

Selain daripada sepanjang Sungai Terengganu perkembangan Islam di Terengganu tentu tidak terlepas pandang ke daerah Besut terutama sepanjang Sungai Besut dan kawasan sekitarnya. Bahkan ramai ulama telah lahir dan muncul di sana seperti Tuan Haji Abdul Latif, Tuan Haji Hussein, dan yang mutakhir Tuan Guru Hj. Abas. Namun, memetik kata Muhammad Abu Bakar (1991) tradisi perkembangan Islam di Besut tidaklah bercambah atau berkembang daripada tradisi Terengganu, tetapi lebih berkait rapat dengan perkembangan Kelantan – Patani.

Perkembangan yang berbeza ini memberikan wajah yang agak berbeza walaupun persamaan tetap wujud dalam perkembangan Islam antara kedua kawasan tersebut, bahkan di seluruh dunia Melayu Islam. Perkembangan pendidikan sebagai contoh tetap mengambil teknik menadah dan mendengar, namun sistemnya agak berbeza. Yang ketara ialah perkembangan di Besut lebih menjurus ke arah pembukaan pondok, sementara di Terengganu bermula dengan surau dan diikuti dengan sedikit pondok sebelum ia berkubur. Maksudnya pendidikan pondok tidak popular di Terengganu berbanding di Besut dan Kelantan – Patani.

Selain itu boleh dikatakan bahawa perkembangan Islam di Besut dibawa dari Kelantan – Patani, bukan dari Kuala Berang yang menjadi asas perkembangan Islam di Terengganu.

Jadi berdasarkan wajaran tersebutlah maka kajian ini tidak memasukkan Besut sebagai kawasan kajian. Sementara di kawasan lain seperti Kemaman dan Dungun merupakan lanjutan perkembangan Islam di lembangan Sungai Terengganu.

1.7 Kajian terdahulu

Sehingga kini masih belum ada kajian terhadap pengajian tasawuf di Terengganu secara khusus. Kebanyakan kajian yang ada hanya melibatkan pengajian dan perkembangan tasawuf abad ke 19M dan awal abad ke 20M sahaja. Kajian-kajian seperti yang dilakukan oleh Shafie Abu Bakar, Muhammad Abu Bakar dan beberapa orang lagi mengkhusus terhadap pengajaran tasawuf oleh tokoh-tokoh tertentu terutamanya tokoh-tokoh silam. Dengan itu kajian mereka lebih bercorak historikal dan bukannya kajian semasa.

Shafie Abu Bakar (1990) pernah membuat penelitian terhadap ilmu tasawuf di Terengganu dengan menumpukan kajiannya terhadap kitab *Hikam* yang dikarang oleh Tok Pulau Manis. Kajian tesis Ph.D beliau, *Hikam Melayu: Kajian Falsafah dan Etika* yang diserahkan kepada Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) merupakan satu kajian yang amat berguna dalam mempertingkatkan pengetahuan tentang tradisi penulisan dan seni sastera kesusasteraan Melayu tradisional, selain dari penjelasan tentang ilmu yang terkandung di dalam kitab itu sendiri. Namun oleh kerana kajiannya hanya tertumpu kepada penulisan dan unsur intrinsik karya tersebut, maka ia lebih bercorak historikal dan lebih mementingkan unsur-unsur dalaman teks selain menumpukan kepada penggunaan kitab tersebut sahaja. Lantaran itu penggunaan karya-karya lain dan unsur-unsur sosial pengajian tasawuf tidak begitu dititikberatkan oleh Shafie.

Sebelum itu Shafie telah membuat kajian berkenaan tokoh yang sama (Tok Pulau Manis) yang melibatkan kitab-kitab karangan beliau dan sistem serta tempat

pengajiannya. Shafie telah memberikan secara terperinci lokasi pusat-pusat pengajian oleh Tok Pulau Manis dan anak cucunya, bermula dari Pulau Manis hingga ke Padang Midin. Begitu juga beliau telah membuat anotasi senarai kitab yang ditulis oleh ulama tersohor Terengganu itu dalam kajian tersebut. Penemuan beliau termuat dalam disertasi sarjana beliau di UKM yang bertajuk *Institusi Shaykh Abdu'l Malik bin Abdullah dan Kitab-kitab Padanya* (UKM, sesi 1976/77).

Muhammad Abu Bakar pula telah menyusun makalah-makalah berkait dengan ulama Terengganu, termasuk ulama tasawuf dalam bukunya *Ulama Terengganu: Suatu Sorotan* (1991). Buku ini tidak secara khusus menyorot tentang ulama sufi, tetapi meliputi semua ulama tersohor Terengganu hingga ke abad 20. Penyusunan yang bersifat historikal ini menyerlahkan beberapa tokoh ulama tasawuf, yang juga menjadi ulama dalam syariat dan usul. Beberapa nama, seperti Shafie Abu Bakar, Wan Hussein Wan Embong, dan Muhammad Abu Bakar sendiri telah memberikan kajian berguna terhadap sejarah hidup dan sumbangan tokoh-tokoh ulama tersebut.

Kajian terhadap pengajian tasawuf yang bersifat kontemporari, walaupun ada tetapi terlalu sedikit. Kebanyakannya pula tertumpu kepada tasawuf amali (tasawuf tarekat) yang mengkaji tarekat-tarekat tertentu di sesuatu tempat. Syed Muhammad Naquib al-Attas (1963) sebagai contoh, telah menumpukan beberapa aspek dalam pengamalan beberapa buah tarekat, iaitu tarekat Qadiriyyah, Naqshabandiyah, dan Sammaniah di Johor. Beliau memperincikan tentang salsilah syeikh tarekat, amalan-amalan zikir, ratib, dan konsep-konsep tasawuf dengan begitu baik.

Hamdan Hassan (1985) juga, yang mengkaji tarekat Ahmadiyah di Kelantan dan Negeri Sembilan telah mengkaji pengajian ilmu tasawuf tarekat, khususnya Ahmadiyah dikedua-dua negeri itu sahaja. Gerakan, organisasi, dan doktrin tarekat tersebut telah dikaji dengan teliti dan terperinci dalam tesis Ph.D beliau, yang kemudian dibukukan dengan tajuk *Tarekat Ahmadiyah di Malaysia : Satu Analisis Fakta Secara Ilmiah*.

Kajian ini sama seperti yang dilakukan kemudiannya oleh Che Zarinna Sa'ari (1993) dalam Tesis Ph.D beliau di Akademi Islam, Universiti Malaya (UM). Kajian beliau, *Tarekat Ahmadiyah : Satu Kajian di Negeri Kelantan Darul Naim* mengkaji tarekat Ahmadiyah di Bukit Abal, Pasir Puteh dengan begitu rinci sekali yang meliputi perkembangan, tokoh, dan doktrin-doktrin tarekat tersebut. Akan tetapi tidak ada penemuan baru yang diberikan selain daripada data-data yang hampir serupa dengan apa yang telah dipaparkan oleh Hamdan sebelum itu.

Dua buah kajian yang penting oleh tiga orang pengkaji barat boleh dijadikan panduan dalam kajian ini. Kajian tersebut ialah yang dilakukan oleh Matheson dan Hooker (1988) dalam makalah mereka, *Jawi Literature in Patani: The Maintenance of an Islamic Tradition* yang termuat dalam JMBRAS, bil. 6. Beberapa data kontemporari tentang hubungan pendidikan pondok dengan kitab-kitab jawi, kepentingan kitab jawi kepada pembentukan identiti Melayu Patani dan senarai pengarang dan kitab-kitab popular mereka di seluruh Patani⁶, Semenanjung, dan Singapura telah dilakukan. Data tentang kepentingan kitab jawi yang mengandungi *welstanchauung* masyarakat Melayu Patani dari dulu hingga kini sungguh menarik. Dari kajian ini mereka telah merumuskan bahawa aspek pengajian kitab jawi bukan sahaja sebagai penerus tradisi, tetapi sebagai

Dasar mempertahankan identiti Melayu-Islam Patani. Penggunaan kitab moden dalam bahasa Thai tidak mewujudkan identiti Melayu Patani yang sejati. Hanya kitab jawi sebagai penerus identiti mereka yang sebenar.

Di Indonesia pula, Martin van Bruinessen telah memuatkan makalah-makalah yang berkaitan dengan kitab jawi (kuning), tarekat, dan pengajian pondok (pesantren) dalam bukunya *Kitab Kuning, Pesantren dan Tarekat : Tradisi-tradisi Islam di Indonesia* (1999). Kajian beliau begitu bermanfaat terutama dari sudut mendapatkan data kitab-kitab jawi yang digunakan dalam pengajian tradisional di pondok-pondok di sana. Beliau telah memuatkan inventori kitab-kitab tersebut dalam bukunya ini.

Kedua-dua kajian ini walau bagaimanapun tidak menumpukan kepada pengajian ilmu tasawuf, tetapi lebih menyeluruh dan merangkumi semua aspek ilmu yang dibahaskan oleh kitab-kitab jawi. Namun beberapa aspek, terutama penerusan penggunaan kitab jawi dalam sistem pengajian tradisional kontemporari di kedua-dua tempat tersebut dapat dijadikan bahan asas awal dalam kajian yang penulis lakukan.

Satu-satunya kajian kontemporari dalam bidang pengajian tasawuf tradisional yang menumpukan kepada penggunaan teks jawi ialah yang dilakukan oleh Abu Hassan Sham pada tahun 1998. Kajian ini telah mengambil daerah Termerloh sebagai bahan kajian dengan melihat kepada kitab-kitab jawi yang digunakan dalam pengajian tasawuf di sana. Kajian tersebut telah memberi rumusan pengajian tasawuf kontemporari di Termerloh sudah membuang persoalan kontroversi berkait dengan *marātib tujuh*, terutama berkenaan dengan *tajalli*⁴ dan *a'yān thābitah*.

Walaupun bagaimanapun, kajian yang bertajuk “Kitab Jawi Berunsur Tasawwuf dan Pengajiannya di Temerloh” tidak begitu mendalam dan meluas. Ini bertepatan dengan kajian beliau yang berbentuk makalah ilmiah yang ringkas. Kajian yang ringkas ini, walaupun bagaimanapun amat berguna sebagai panduan awal dalam penyediaan kajian komprehensif yang penulis lakukan.

Melihat kajian-kajian terdahulu di dapati pengkajian terhadap tasawuf yang bersifat semasa kebanyakannya tertumpu kepada tasawuf amali (tarekat). Belum ada kajian menyeluruh terhadap pengajian tasawuf di sesebuah kawasan yang melibatkan sistem, aliran, dan kitab-kitabnya dilakukan. Kekurangan ini bertambah dengan ketiadaan satu kajian yang khusus terhadap pengajian tasawuf di negeri Terengganu Darul Iman. Oleh kerana itulah, dengan ruang-ruang kosong yang ditinggalkan oleh para pengkaji terdahulu itu, maka kajian ini cuba memenuhi lompong-lompong itu dengan satu kajian yang bersifat kontemporari. Aalah diharapkan kajian ini akan mencapai matlamatnya untuk memberikan data terkini berkenaan tradisi pengajian tasawuf di negeri Terengganu.

1.8 Kesimpulan

Matlamat kajian *Tradisi Pengajian Tasawuf di Negeri Terengganu Darul Iman* ialah mempamerkan sistem, corak, dan bentuk pengajian tasawuf di Terengganu pada akhir abad ke 20M dan awal abad ke 21M. Dalam pada itu fokus utama ditujukan kepada penggunaan kitab jawi sebagai salah satu unsur terpenting dalam sistem pengajian tersebut seperti yang akan dibincangkan dalam bab-bab seterusnya nanti.

NOTA BAB

- 1 al-Ghazali, 1993. *Ilmu Ladani*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 30.
- 2 lih. bab 2.1 untuk keterangan lanjut.
- 3 Lih. Mahayudin Haji Yahaya, 1998. *Islam di Alam Melayu*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, bahagian 1, juga Fatimi, S.Q.1963, *Islam Comes to Malaysia*. Singapura : Malaysian Sociological Research Institute, bab 5.
- 4 Aliran Mu'tazilah dapat dikesan dalam *Sulalat al-Salatin* (Sejarah Melayu) apabila persoalan tentang rezeki (yang berkait dengan kudrat dan iradat Allah) dikemukakan oleh Raja Melaka kepada Pasai. Lih. A. Samad Ahmad, 1986. *Sulalat al-Salatin*, Cetera 32.
- 5 Lih. bab 2.3 untuk sejarah ringkas kemasukan Islam dan perkembangannya di Terengganu.
- 6 Istilah Patani dan Pattani mendukung konsep negara yang berbeza. Patani merujuk kerajaan Islam Patani sebelum penjajahan Siam ke atas negara Melayu tersebut. Ia merangkumi wilayah-wilayah selatan Thailand seperti Patani, Setol, Menara, Jala dan lain-lain lagi. "Pattani" pula merupakan entiti wilayah yang diwujudkan oleh kerajaan Thai selepas penjajahan dengan pemecahan wilayah-wilayah negara Patani kepada wilayah-wilayah kecil yang tidak berdiri sebagai satu entiti. Lih. Paitoon M. Chaiyanaa, "Kecendekiaan Warga Patani dalam Standardisasi Bahasa", dlm. *Dewan Bahasa*, 44 : 12, hlm. 1382 - 1383. Disember 2000
Dalam tulisan ini, istilah "Patani" akan digunakan bagi mendukung konsep "negara Patani".